

09 JUN 1997

Abu Zahar-Exco

ANGGOTA EXCO JANGAN LIBAT DIRI DALAM PERNIAGAAN, ABU ZAHAR

ALOR GAJAH, 9 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin yang mengulangi amaran larangan berniaga terhadap anggota Exco kerajaan negeri hari ini berkata bahawa mereka juga tidak boleh melibatkan diri dengan perniagaan milik keluarga.

Beliau berkata, penglibatan dalam kegiatan perniagaan milik keluarga juga boleh dianggap sebagai mempunyai kepentingan peribadi dan bercanggah dengan dasar kerajaan negeri.

"Semua pihak mesti memastikan pentadbiran kerajaan negeri menyokong saranan pucuk pimpinan supaya kita mengamalkan dasar bersih, cekap dan amanah...wajarlah anggota Exco tidak mempunyai agenda peribadi," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan gerakan desa wawasan peringkat negeri di Kampung Cherana Putih di sini, Abu Zahar berkata sebagai pemimpin, mereka sentiasa terdedah kepada pemerhatian rakyat termasuk pengawasan parti pembangkang.

Ketua Menteri pada sidang akhbar pertama selepas memegang jawatan itu bulan lepas telah memberi amaran bahawa beliau tidak berkompromi dengan pemimpin kerajaan negeri yang mempunyai agenda sendiri.

"Setiap anggota Exco telah membuat pengakuan di Dewan Undangan Negeri (DUN) bahawa mereka tidak mempunyai agenda lain selain daripada membantu membangunkan negeri ini," katanya.

Sementara itu, Abu Zahar berkata dua anggota Exco yang baru dilantik dijangka mengemukakan perisytiharan harta mereka kepada beliau dalam tempoh dua bulan.

Dua anggota Exco berkenaan, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus dan Datuk Ahmad Hamzah sebelum ini telah diarah mengisytiharkan harta mereka dalam tempoh sebulan.

Abu Zahar juga berkata, beliau akan mengemukakan perisytiharan hartanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh yang sama.

Dalam ucapannya sebelum itu, Abu Zahar menasihati masyarakat luar bandar supaya tidak menjadi penonton kepada arus pembangunan di negeri ini tetapi hendaklah berusaha memanfaatkan peluang yang terbuka hasil daripada pembangunan yang dilaksanakan kerajaan. -- BERNAMA

MYD PR